



## MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT

### SKIM PERKHIDMATAN

### PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN

### URUSAN KENAIKAN PANGKAT DARIPADA PEN. PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U29 KE PEN. PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U32

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
GRED JAWATAN/GAJI	:	U32
GAJI MINIMUM-MAKSIMUM	:	RM2,331.00 – RM6,394.00

### SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

### KENAIKAN PANGKAT KE GRED U32

2. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U32 yang kosong apabila telah :
  - a) Disahkan dalam perkhidmatan;
  - b) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan tiga (3) tahun berturut-turut atas gred jawatan hakiki/lantikan;
  - c) Diperakuan oleh Ketua Jabatan;
  - d) Bebas dari tindakan atau hukuman tatatertib;
  - e) Telah mengistiharkan harta berdasarkan peraturan yang berkuatkuasa;
  - f) Bebas dari pada disenaraikan peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan; dan
  - g) Lulus Tapisan Keutuhan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

### TARAF JAWATAN : TETAP

TARIKH IKLAN /TUTUP PERMOHONAN : 2 FEBRUARI-19 FEBRUARI 2020 (RABU)

### CARA MEMOHON :

- (a) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati dengan memuat turun borang di laman web [www.mpsegamat.gov.my](http://www.mpsegamat.gov.my).

- (b) Permohonan daripada jawatan Gred 29 hingga Gred 41 ke atas hendaklah disertakan dengan "video resume" dalam bentuk softcopy sebagaimana berikut:-
- i) Berdurasi tidak lebih dari 3 minit.
  - ii) Menggunakan suara sebenar pemohon.
  - iii) Ringkasan latarbelakang keluarga pemohon.
  - iv) Ringkasan latarbelakang pendidikan pemohon.
  - v) Ringkasan pengalaman kerja pemohon.
  - vi) Pekerjaan aktiviti terakhir atau semasa pemohon.
  - vii) Ringkasan pencapaian/anugerah tertinggi pemohon.
  - viii) Ringkasan dan hobi kegiatan luar pemohon.
  - ix) Ringkasan penglibatan pemohon di dalam masyarakat atau NGO.
  - x) Ringkasan kelebihan/kesesuaian pemohon dengan jawatan yang dipohon.
  - xi) Ringkasan matlamat dan perancangan masa depan pemohon.
  - xii) Ringkasan kelemahan/kekurangan pemohon
- (c) Permohonan-permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:-

**YANG DIPERTUA,  
MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT,  
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN,  
85000 SEGAMAT JOHOR.**

*(sila nyatakan nama jawatan yang dipohon pada penjuru sebelah kiri sampul surat)*

- (d) Sila nyatakan jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul surat berkenaan semasa memohon dan mengembalikan borang-borang permohonan. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen seperti berikut :-
- (i) Kad Pengenalan Diri yang telah disahkan;
  - (ii) Sijil Kelahiran yang telah disahkan;
  - (iii) Sijil Berhenti Sekolah dan sijil Persekolahan yang telah disahkan;
  - iv) Sijil Kelulusan Akademik (Sijil/Diploma/Ijazah)\* mana yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon yang telah disahkan;
  - v) Transkip keputusan akhir peperiksaan (jika diploma/ijazah sebenar masih belum diterima) yang telah disahkan;
  - vi) Satu (1) keping gambar terkini berukuran 'paspot';
  - vii) Dokumen-dokumen sokongan yang lain (jika ada) yang telah disahkan.
- (e) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Pihak Pengguna Tempatan/Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi tahunan yang terakhir seperti mana mengikut Peraturan-Peraturan Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2005, Peraturan 17 Bab A.

- (f) Bagi kelayakan Ijazah/Diploma/Sijil perlu mendapatkan pengiktirafan kelayakan di Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) melalui laman web <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> dan dilampirkan bersama resume permohonan.
- (g) Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat-syarat seperti di dalam iklan akan **DTOLAK SERTA-MERTA**.
- (h) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (i) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.
- (j) Pihak Pentadbiran Majlis Perbandaran Segamat tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.

**PERINGATAN : SEMUA SALINAN DOKUMEN DI ATAS HENDAKLAH DISAHKAN OLEH PEGAWAI KERAJAAN (KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL) ATAU PENGHULU MUKIM/KETUA KAMPUNG.**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD MASNI BIN WAKIMAN)**

Yang Dipertua,

Majlis Perbandaran Segamat.